

# Pameran pelajar UMS jadi tumpuan program Simposium Wanita

UB 4.11.2018 AZ  
KOTA KINABALU: Pameran pelajar dari program Sains Sukan Universiti Malaysia Sabah telah menjadi tumpuan program Simposium Wanita pada 25 Oktober lalu.

Simposium Wanita dan Kesejahteraan Insan ini telah dirasmikan oleh Norazlinah Arif selaku Pembantu Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah.

Pameran ini dianjurkan oleh Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) dan Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA) dengan kerjasama Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial Universiti Malaysia Sabah.

Turut hadir ialah Pengerusi Penasihat Wanita Sabah Datuk Dr. Hajah Tarsiah Tz Aman, Pengerusi Jawatankuasa Sosial Majlis Penasihat Wanita Sabah dan Dr. Muhammad Idris Bullare @ Hj. Bahari.

Pameran bagi pelajar sains sukan Universiti Malaysia Sabah telah diiringi oleh Kolonel (PA) Dr. Mohamad Nizam Nazarudin selaku pensyarah Sains Sukan Universiti Malaysia.

Seramai 35 pelajar program Sains Sukan UMS telah melibatkan diri dalam pameran tersebut.

Norazlinah turut memberi sedikit

perkongsian mengenai program yang telah beliau ceburi iaitu program 'Jom Kurus' kerana beliau juga pernah mengalami masalah berat badan sebelum ini.

Sebanyak empat pameran telah dipamerkan iaitu, index jisim badan (BMI), piramid makanan, pengukuran pinggang pinggul dan jenis senaman untuk kesihatan tubuh badan.

Setiap pameran yang dijalankan mempunyai perkhidmatan secara percuma seperti pengiraan index jisim badan dan pengiraan pinggang pinggul.



**PELAJAR Sains Sukan UMS bergambar bersama Norazlinah.**